

## **STPM Kertas 1 Set KVK 1: Soalan 4 Jawapan yang dicadangkan**

---

- (a) Tiga ciri bentuk organisasi koperasi yang berbeza daripada bentuk organisasi syarikat berhad:
1. Had minimum ahli koperasi adalah 10 orang. Had minimum ahli syarikat sendirian berhad adalah seorang dan bagi syarikat awam berhad, walaupun boleh diperbadankan dengan seorang ahli tetapi lembaga pengarah mesti terdiri daripada dua orang.
  2. Tujuan asal penubuhan koperasi adalah untuk kepentingan kebajikan sosial dan ekonomi ahli-ahlinya. Manakala sesebuah syarikat ditubuhkan semata-mata untuk memperoleh keuntungan dan menambahkan kekayaan ahli-ahlinya.
  3. Setiap ahli koperasi hanya mempunyai satu undi bagi pemilihan ahli lembaga koperasi semasa mesyuarat agung tahunan walaupun jumlah unit saham yang dipegangnya adalah lebih daripada satu. Jumlah undi ahli syarikat bergantung kepada jumlah unit saham yang dipegang olehnya.
  4. Kadar dividen yang diagihkan kepada ahli koperasi adalah terhad kepada 10% atas modal saham. Kelulusan dari pendaftar koperasi diperlukan jika ahli lembaga koperasi ingin mengumumkan dividen yang lebih tinggi. Kadar dividen sesebuah syarikat adalah berasaskan kepada budi bicara ahli badan lembaga pengarah. Lazimnya, kadar ditentukan berdasarkan tahap keuntungan yang telah diperolehi.
  5. Ahli koperasi tidak boleh memindah pemilikan sahamnya kepada orang lain. Pemegang saham syarikat boleh memindah pemilikan sahamnya dengan persetujuan badan lembaga pengarah (bagi syarikat sendirian berhad) atau melalui Bursa Malaysia.
  6. Semua koperasi diwajibkan membahagikan sebahagian daripada keuntungannya untuk kumpulan wang rizab berkanun, manakala sesebuah syarikat tidak perlu berbuat demikian.

(b) (i) Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020:

<b>Koperasi Valdor Prima Berhad</b>		
<b>Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020</b>		
	RM	RM
Jualan		388,600
(-) Pulangan masuk		2,850
Jualan bersih		385,750
Tolak: Kos jualan (210,520 + 3,080)		213,600
Untung kasar		172,150
Tambah: Hasil lain		
Belanja hutang ragu (Pengurangan)	168	
Hutang lapuk terpulih	540	
Pendapatan lain	8,420	
Dividen diterima	4,800	
Yuran masuk	1,440	15,368
		187,518
Tolak: Belanja operasi		
Hutang lapuk	1,200	
Belanja sewa	24,000	
Belanja utiliti	5,660	
Yuran audit	3,600	
Belanja faedah pinjaman	2,000	
Belanja komisen	3,200	
Derma	6,000	
Belanja seminar	12,400	
Belanja jualan dan pengagihan (26,150 – 3,080)	23,070	
Belanja pentadbiran pejabat	31,200	
Elaun ahli lembaga koperasi	16,120	
Belanja susut nilai aset tetap (120,000 x 20%)	24,000	152,450
Pendapatan bersih		35,068

(ii) Penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020:

<b>Koperasi Valdor Prima Berhad</b>		
<b>Penyata Pembahagian Untung rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020</b>		
	RM	RM
Pendapatan bersih		35,068
Tolak: Pembahagian berkanun		
Kumpulan Wang Rizab berkanun (12%)	4,208	
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi (2%)	701	
Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi (1%)	351	5,260
		29,808
Tolak: Cukai dibayar	12,460	
Zakat	1,800	14,260
		15,548
Tolak: Pembahagian lain		
Dividen modal saham (4% x 100,000)	4,000	
Rebat jualan (3% x 182,000)	5,460	
Tabung Kebajikan ahli koperasi (10% x 15,548)	1,555	
Honorarium (10% x 15,548)	1,555	12,570
		2,978
Tambah: Keuntungan terkumpul awal tahun		11,240
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		14,218

(iii) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Oktober 2020:

<b>Koperasi Valdor Prima Berhad</b>			
<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2020</b>			
	RM	RM	RM
<b>Aset bukan semasa</b>			
Aset tetap		120,000	
(-) Susut nilai terkumpul (30,200 + 24,000)		54,200	65,800
Pelaburan jangka panjang			50,000
			115,800
<b>Aset semasa</b>			
Inventori		28,560	
Akaun belum terima	10,400		
(-) Peruntukan hutang ragu	312	10,088	
Simpanan tetap		6,500	
Bank		26,230	
Tunai runcit		640	
		72,018	
<b>Liabiliti semasa</b>			
Akaun belum bayar	4,680		
Rebat jualan	5,460		
Dividen dicadangkan	4,000		
Honorarium ALK	1,555		
Kumpulan wang pendidikan koperasi	701		
Kumpulan wang pembangunan koperasi	351	16,747	
<b>Aset semasa bersih (modal kerja)</b>			55,271
			<b>171,071</b>
Dibiayai oleh:			
<b>Kumpulan Wang Anggota</b>			
Modal saham		100,000	
Keuntungan terkumpul		14,218	
Kumpulan wang kebajikan ahli koperasi		14,355	128,573
<b>Kumpulan Wang Rizab Berkanun</b>			22,498
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>			
Pinjaman			20,000
			<b>171,071</b>